

Newspaper	Sinar Harian
Date	2 December 2015

Siapa perdana menteri 44 tahun lagi

Sinar Harian - 2/12/2015

Ramai daripada kita menghargai sesuatu nikmat hanya apabila ia diambil daripada kita.

Sebahagian kita tidak menghargai kesihatan sehingga jatuh sakit, tidak peduli pada anggota keluarga dan sahabat sehingga ditinggalkan dan tidak memanfaatkan masa sehinggalah ia berlalu.

Betapa setengah daripada kita kerap tidak ambil pusing dengan perkembangan teknologi yang bergerak pantas di sekeliling kita dan menyedarinya hanya setelah ia meninggalkan.

Perkara begini mudah kita insafi jika kita termasuk dalam kategori orang seperti Otis Johnson, seorang lelaki kulit hitam yang dibebaskan selepas 44 tahun meringkuk dalam penjara.

Dia dimasukkan ke penjara pada 1970 dalam usia 25 tahun kerana menyerang dan cuba membunuh seorang pegawai polis.

Apabila dibebaskan tahun lepas pada usia 69 tahun, dia dapati keadaan dunia luar sudah banyak berubah.

Sebaik sahaja keluar penjara, dia pergi ke Times Square di Midtown Manhattan, Amerika Syarikat, yang menyambutnya dengan kejutan budaya.

Otis cuba menggunakan khidmat telefon bayar, tetapi dia pelik mendapati kadar satu



panggilan empat minit sudah naik kepada 1 dolar, bukan lagi 25 sen seperti di zaman dia muda.

Dia kebingungan mendapati kebanyakan orang awam sudah tidak lagi mengguna telefon bayar.

“Saya lihat ramai orang bercakap pada diri sendiri dan ada sesuatu dalam telinga,” katanya.

Pada mulanya, dia fikir apakah mereka dari Central Intelligence Agency atau ejen yang mewakili mana-mana pertubuhan.

Hampir setiap orang yang berjalan di situ sibuk dengan alat-alat teknologi masing-masing dan tidak peduli untuk melihat pergerakan di sekeliling mereka.

“Penjara memberi banyak kesan kepada saya. Saya rasa payah apabila kembali ke dalam masyarakat pada peringkat awal, sebab banyak sudah berubah,” katanya.

Pengalaman yang dilalui Otis itu memberi kita peluang untuk bermuhasabah.

Saya terfikir, katalah ada yang masuk penjara di Malaysia hari ini dan keluar 44 tahun lagi, apa agaknya yang akan dia lihat?

Di luar negara, umpamanya, apakah dia akan lihat mereka yang uzur sudah menggunakan walkalator untuk mengelilingi Kaabah? Yang pasti alat perhubungan sudah

tentu bertukar rupa dan cara penggunaan menjadi jauh lebih canggih dari sekarang.

Bagaimana nasib rakyat Palestin dan negara-negara penduduk Islam? Apakah mereka dibuli negara musuh yang mendapat sokongan kuasa-kuasa yang tidak hirau kepada etika, perjanjian dan kebenaran?

Apakah penduduk negara Asean sudah boleh bergerak menggunakan kemudahan pengangkutan darat kerana sudah disambung oleh jambatan antara negara?

Di negara kita, apakah jalan raya di sekitar bandar bertambah sesak, sementara jejambat lebih banyak dibina di merata kawasan? Berapa agaknya harga Ron 95 masa itu? Berapa pula harga rumah mampu milik ketika itu? Atau rakyat berpendapatan rendah dan sederhana hanya mampu lihat? Tidak kurang penting, roti canai dan teh tarik berapa harga?

Bagaimana keadaan kampung-kampung dan tanah wakaf yang menjadi tempat ramai orang Melayu/Islam bermastautin?

Jangan-jangan sudah tidak banyak kereta di jalan raya dan ribuan orang yang berulang-alik antara rumah dan tempat kerja sudah memilih naik motosikal atau basikal.

Sebabnya? Kenderaan empat roda yang masuk ke bandar raya mungkin dikenakan bayaran yang sangat tinggi. Kadar tol entah-entah sudah naik 10 kali ganda daripada kadar

sekarang. Bayaran parkir pun barangkali jauh lebih tinggi daripada kadar sekarang. Tambang pengangkutan awam juga mungkin sudah tinggi dan kesesakannya sudah mencapai kadar keterlaluan.

Jadi, apa pilihan yang ada kepada rakyat kecuali naik motosikal atau basikal?

Atau mungkinkah rakyat jadi bertambah kaya? Oleh itu, mungkin helikopter turut menjadi pengangkutan awam di kotaraya?

Mungkin masa itu sudah ada pelbagai jenis cukai, sementara kadar GST sudah mencapai entah berapa peratus lagi.

Tidak tahulah apakah PKR, Pas, DAP, Amanah, bahkan Umno/BN dan parti-parti politik yang lain masih mampu bernafas 44 tahun akan datang? Entah-entah banyak yang tinggal nama sahaja?

Persoalan cepu mas; siapa agaknya perdana menteri kita 44 tahun dari sekarang?

Lelaki atau perempuan? Orang Umno atau daripada parti yang bermusuhan dengannya? Wallahuallah!

Memang terlalu rumit dan jauh tempohnya untuk kita buat ramalan.

Yang penting, tentunya, kita mahu negara maju, kaya-raya, kerajaan bijak berbelanja, pemimpin boleh jadi teladan, rakyat hidup aman, sejahtera dan syiar Islam berkembang menerangi seluruh pelosok alam. Aamiin.